

**JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA**

No. 20 Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62551 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8000 8000
Faks: 603-8880 8288
Laman Web: www.jpn.gov.my
Emel: pro@jpn.gov.my

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.36 (3)
Tarikh : 15 Februari 2017

**Ketua Pengarang,
Berita Harian****Telah difakskan pada: 15 FEB 2017**

Tuan,

MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR BERITA HARIAN BERTAJUK "FATIAH, ADIK TERINGIN KE SEKOLAH" BERTARIKH 14 FEBRUARI 2017, SELASA – M.S: 25 (WILAYAH)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Encik Mohd Abu Kamil bin Che Ghani berkenaan lima (5) daripada enam (6) anak beliau yang tidak memiliki sijil kelahiran.
3. Ingin dimaklumkan, berdasarkan siasatan pada 15 Disember 2014 JPN telah hadir ke kediaman beliau untuk membantu dalam menguruskan permohonan pendaftaran lewat kelahiran anak-anak beliau. Beliau telah diberikan borang permohonan pendaftaran lewat kelahiran untuk dilengkapkan dan perlu dikembalikan semula ke pejabat JPN berdekatan untuk diproses dan dikeluarkan dengan sijil kelahiran.
4. Walau bagaimanapun, sehingga ke hari ini JPN tidak menerima sebarang permohonan yang dikemukakan oleh beliau. Sehubungan dengan itu, dipohon kerjasama serius daripada beliau untuk melengkapkan dan mengembalikan semula borang tersebut agar tindakan selanjutnya dapat dibuat.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

- s.k.:
1. YBr. Tuan KPPN
 2. YBhg. Dato' TKPPN (O)
 3. YBr. Tuan TKPPN (P)

RAKYAT DI HATI JPN

